



Dr Mahathir menyampaikan ucapan melalui rakaman video pada Majlis Town Hall Pembangunan Kampung Baru di Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur, semalam. [Foto Mohd Yusni Ariffin/BH]

Tawaran RM850 sekaki persegi

Harga tidak termasuk nilai struktur bangunan di atas tanah

Oleh Mohd Azis Ngah dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemilik tanah Kampung Baru di sini, yang terabit dengan pembangunan semula penempatan berusia 118 tahun itu, ditawarkan harga RM850 bagi setiap kaki persegi.

Berdasarkan harga tawaran itu, pemilik dianggarkan memperoleh kira-kira RM6 juta, bagi tanah dimiliki yang secara purata berkeluasan 8,000 kaki persegi.

Tawaran itu tidak termasuk nilai struktur bangunan yang berada di atas tanah terabit, yang akan dinilai semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad, ketika mengumumkan tawaran terabit, berkata harga ditawarkan oleh kerajaan itu adalah kadar maksimum berdasarkan penilaian yang dibuat JPPH.

"Kajian mendapati, harga tanah di sini di antara RM650 sehingga RM850 kaki persegi. Jadi, kerajaan tawarkan kadar maksimum RM850 tanpa mengira kedudukan tanah itu berhampiran jalan atau lapisan mana.

"Cuma, harga struktur bangu-

nan akan dibayar pada kadar lain," katanya ketika sesi soal jawab bersama penduduk pada Majlis Town Hall Pembangunan Kampung Baru di Dewan Perdana FELDA, di sini.

Ketika sesi Town Hall itu, 2,500 daripada 6,971 waris dan pemilik hadir untuk mendengar penjelasan mengenai tawaran mendapatkan tanah bagi tujuan pembangunan semula.

Hanya 154 ekar (62.32 hektar) daripada jumlah keseluruhan 302 ekar (122.215 hektar) tanah di Kampung Baru Kuala Lumpur itu, akan dibangunkan semula, membabitkan 837 lot tanah.

Bagi menjayakan pelan baharu ini, Khalid berkata, kerajaan menawarkan empat pilihan kepada pemilik dalam proses pembangunan semula itu iaitu mengambil tunai; memiliki rumah unit siap; mengambil tunai dan unit siap, atau mengambil pulangan sebagai pemegang saham dalam pembangunan semula.

"Tawaran jual beli ini adalah berdasarkan lot tanah dan bukannya setiap pemilik yang berdaftar. Kerajaan memberi jaminan, pemilihan tanah di sini tetap menjadi hak milik Melayu tanpa kompromi," tegasnya.

Ketika sesi soal jawab yang berlangsung hampir empat jam (dua sesi), majoriti pemilik dan waris menuntut harga lebih tinggi dengan alasan kedudukan Kampung Baru itu yang strategik di tengah bandar raya.

Mereka mendesak kerajaan mendapatkan pandangan kajian harga pihak ketiga, termasuk agensi bebas antarabangsa untuk membuat perbandingan la-

poran harga yang dikemukakan JPPH.

Ada juga yang mencadangkan supaya kerajaan mengguna pakai konsep pajakan untuk tempoh tertentu, contohnya 25 tahun sebelum hak milik diserahkan sepenuhnya kepada pemilik asal.

Majoriti daripada mereka tidak berpuas hati dengan tawaran harga RM850 untuk setiap kaki persegi yang ditawarkan dan mahukan jaminan sepenuhnya bahawa pampasan akan tetap dibayar walaupun projek tergendala atau gagal.

Mereka bimbang, hak milik orang Melayu di sini akan hilang dan bertukar milik sepenuhnya, walaupun dijamin Akta Pembangunan Kampung Baru.

Dalam sidang media selepas sesi itu, Khalid menegaskan, pihaknya terbuka untuk menerima kajian pihak ketiga dan memberi jaminan status tanah itu tidak akan diubah.

"Secara umum, keseluruhan pemilik bersetuju menerima pembangunan, cuma ada sedikit isu perlu diselesaikan iaitu soal harga. Kita mesti adil kepada penduduk, kerajaan dan pemaju.

"Saya akan bantangkan laporan (pendirian penduduk dalam townhall) kepada Kabinet dan keputusan dijangka dibuat dalam tempoh sebulan. Mungkin akan ada perubahan harga," katanya yang menjangkakan perkara itu dapat diselesaikan selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Katanya mengikut perancangan awal, jika pemilik bersetuju, mereka dijangka menandatangani surat perjanjian jual beli pada Jun 2020.